

03 NOV 2002

Mahathir-Tiba/I

PERDANA MENTERI TIBA DI PHNOM PENH UNTUK SIDANG KEMUNCAK ASEAN

PHNOM PENH, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean Kelapan yang bermula di Hotel Inter-Continental di sini esok.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Pochentong disambut Menteri Kemboja yang Bertanggungjawab ke atas Pejabat Majlis Menteri-menteri Sok An, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, kakitangan kedutaan Malaysia dan para pegawai Kemboja.

Dr Mahathir kemudiannya meninjau lapangan terbang yang baru diubahsuai itu yang telah diswastakan pada 1995 kepada sebuah syarikat Malaysia, Muhibbah Engineering (M) Bhd dan rakan kongsinya dari Perancis serta Kemboja.

Konsortium itu diberikan konsesi selama 25 tahun bagi pembangunan dan pengurusan operasi lapangan terbang. Pada tahun 2000, ia mengambil alih pengurusan lapangan terbang Siem Reap yang menuju ke Angkor Wat yang masyhur itu.

Sehingga kini, kira-kira RM323 juta sudah dibelanjakan ke atas Lapangan Terbang Pochentong yang mempunyai kawasan binaan seluas 22,000 meter persegi dengan kapasiti pengendalian penumpang berjumlah 1.8 juta setahun.

Dr Mahathir kemudiannya dibawa ke daerah Chak Angre di pinggir bandar Phnom Penh dan merasmikan loji tenaga berenjin diesel 35MW milik Cambodia Utilities Pte Ltd, iaitu subsidiari sebuah lagi syarikat dari Malaysia, Leader Universal Holdings Bhd.

Perdana Menteri juga akan menyerikan majlis jamuan bersama masyarakat Malaysia di Kemboja sempena perayaan Deepavali.

Malam ini, Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis perbincangan makan malam bersama para pemimpin Asean.

-- BERNAMA

MAM AFY ROS